

DATE: 11/5/2010

Umno mesti berani buat perubahan

BH-11/05/2010

Bentuk parti dinamik, sentiasa segar, bernafas baru: Najib

Saufi Hamzah

Di Phnom Penh

safeeham@bharian.com.my



DATUK Seri Najib Razak, berkata Umno mesti berani membuat perubahan supaya parti itu sentiasa diterima sebagai parti yang relevan sepanjang masa dan zaman.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, untuk itu, Umno perlu dilihat sebagai parti yang dinamik, sentiasa segar dan bernafas baru.

"Kalau kita tidak melakukan perubahan ini, kita akan terdedah kepada kemungkinan Umno tidak dilihat sebagai parti pilihan utama seperti berlaku kepada parti lain yang seusia dengan Umno," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menjadi tetamu Forum Perniagaan Malaysia-Kemboja

sempena lawatan tiga hari di sini, semalam.

Hari ini Umno akan menyambut ulang tahun yang ke-64 selepas ditubuhkan pada 1946.

Perdana Menteri berkata, ahli Umno mesti bersikap realistik bahawa sejarah saja meskipun begitu terbilang bukan jaminan kelangsungan kuasa pada masa akan datang melainkan mereka sanggup berubah.

"Sebagai sebuah parti yang wujud sekian lama ia tidak dapat dipisahkan daripada bukan saja landskap politik tanah air malah segala perkembangan yang menyebabkan Malaysia menjadi sebuah negara yang berjaya kerana dasar-dasar yang didokong Umno bersama parti komponen Barisan Nasional (BN).

"Begitu juga dari segi pelaksanaan dasar-dasar kita dan kepimpinan yang diperlihatkan dalam pentadbiran negara yang menyebabkan



NAJIB bersama Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen pada sambutan meraikan ketibaannya di Dataran Majlis Menteri-Menteri di Phnom Penh, semalam.

transformasi besar berlaku kepada Malaysia," katanya.

Di KUALA LUMPUR, Timbalan Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata ahli Umno perlu menghargai dan menghayati perjuangan pemimpin terdahulu yang sudah banyak berjasa sehingga negara mampu mengecapi nikmat kemerdekaan, keharmonian dan kemajuan yang tidak ternilai.

"Dengan nikmat ini juga, kita bertambah yakin untuk memajukan diri dan bangsa agar setanding dengan bangsa lain di dunia serta mempertahankan kedaulatan, keamanan dan kemajuan per-tiwi demi masa depan yang lebih gemilang untuk bangsa dan negara kita

"Sesungguhnya sejarah 64 tahun Umno sudah diisi de-

ngan perjuangan dan pengorbanan besar pemimpin dan ahli Umno yang mesti dihayati, dihargai dan diteruskan oleh kita semua. Sepanjang tempoh ini, Umno membuktikan ia adalah sebuah parti yang sentiasa berdiri teguh dengan prinsip perjuangan asalnya di samping bersedia untuk berubah seiring dengan perubahan yang berlaku dalam masyarakat," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Perdana Menteri, berkata tidak dinafikan bahawa kepesatan kemajuan ekonomi, peningkatan tahap pendidikan dan kenaikan taraf hidup masyarakat telah membangkitkan kesedaran baru di kalangan rakyat mengenai kepentingan tadbir urus negara yang lebih baik, pem-

angunan yang mapan dan pembinaan sebuah negara bangsa yang adil dan harmoni.

Sementara itu, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed, berkata Umno mesti meneruskan perjuangannya sebagai parti yang berperanan menjadi landasan perjuangan orang Melayu.

"Kita mesti ingat, Umno mesti teruskan perjuangan (membela orang Melayu) dan saya nak hadir dan menyambut ulang tahunnya esok (hari ini)," katanya ringkas ketika ditanya pemberita selepas menyampaikan syarahan sempena sambutan ke-50 Malaysia Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA) di sini, semalam.

PM terima anugerah persatuan telekomunikasi

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak dipilih Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) sebagai penerima Anugerah Persatuan Telekomunikasi dan Maklumat Dunia 2010.

Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan dalam kenyataannya berkata, Perdana Menteri adalah antara tiga penerima anugerah itu bagi tahun ini, yang memberi fokus terhadap tokoh penting yang memberi sumbangan besar dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Datuk Seri Najib mendapat pengiktirafan ITU kerana menjadikan kesalinghubungan sebagai antara keutamaan beliau. Sebagai sebahagian daripada Model Ekonomi Baru Malaysia, beliau dipuji kerana memberi keutamaan khusus terhadap usaha memperkukuhkan prasarana ICT.

"Pentadbiran beliau menyokong usaha ITU dalam memperkukuhkan keselamatan siber sejagat melalui Pusat IMPACT di Cyberjaya," kata kenyataan itu.

Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim akan menerima anugerah itu bagi pihak Perdana Menteri pada 17 Mei di Shanghai, China.

ITU memberi anugerah berprestij itu kepada tokoh terkemuka sejak 2005. - Berita